

12 NOV 1996

Mahathir-Perdagangan

DR M: TUBUHKAN BADAN DUNIA BAGI MENANGANI ISU-ISU BUKAN PERDAGANGAN

Oleh: Rachman Nordin

ACCRA, 12 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, sebuah badan antarabangsa perlu diwujudkan bagi mengadili negara-negara membangun dalam isu-isu yang tidak ada kaitan dengan perdagangan.

Isu-isu itu juga tidak harus ditimbulkan di mesyuarat peringkat menteri-menteri Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO), katanya.

"Kita hanya mahu membincangkan mengenai perdagangan dan pelaburan sahaja. Jangan utarakan isu-isu yang tidak berkaitan di mesyuarat WTO di Singapura nanti," kata beliau kepada pemberita pada Isnin.

Dr Mahathir berkata, jika perlu mengadili rekod amalan buruh, penjagaan alam sekitar dan rasuah di negara-negara membangun biar ia dijalankan oleh sebuah badan antarabangsa yang juga perlu mengadili Barat kerana "mereka juga korup".

Beliau berkata demikian semasa menjawab soalan sama ada Malaysia dan Ghana mempunyai pendirian sama dalam perjanjian perdagangan multi-lateral WTO di persidangan berita bersama Presiden Ghana, Jerry Rawlings sebelum berpisah.

Dr Mahathir menamatkan lawatan rasmi empat hari ke Ghana pada Isnin yang merupakan sebahagian daripada lawatan seminggu beliau ke dua negara Afrika barat bermula dengan Guinea, Selasa lepas.

Dr Mahathir berkata, kini terdapat percubaan oleh Barat untuk memasukan amalan buruh dan rasuah dalam sesebuah negara sebagai antara syarat yang perlu diatasi sebelum sebarang pelaburan di buat oleh pelabur asing.

Beliau berkata: "Kesan perbuatan ini pasti mengurangkan pelaburan asing di sesebuah negara."

Dalam hal ini Malaysia berpendapat ia adalah percubaan oleh Barat untuk menafikan pelaburan bagi negara-negara membangun dengan menyatakan negara-negara itu adalah korup, memberi layanan buruk kepada pekerja dan tidak mengamalkan hak asasi manusia, kata beliau.

Dr Mahathir berkata, Barat tidak berhak mengadili rekod sesebuah negara membangun dalam hal-hal yang tidak berkaitan dengan perdagangan kerana ianya merupakan perkara subjektif yang boleh dibincangkan dalam forum lain.

"Jika anda berpendapat amalan buruh sesebuah negara tidak seperti kemahuan anda, maka anda boleh membincangkannya di ILO (Pertubuhan Buruh Antarabangsa) dan bukan di persidangan menteri-menteri WTO di Singapura," kata beliau.

Dr Mahathir memberikan contoh bahawa baru-baru ini negara barat tertentu pergi ke sebuah negara membangun dan merasuah rakyat mereka dan kemudiannya menghebohkan yang negara itu sebagai korup. Bagaimanapun beliau tidak menamakan negara-negara yang terbabit itu.

"Ini kerana mereka boleh mengawal maklumat dan kita pula tidak mempunyai jalan untuk menjelaskan kedudukan sebenar," kata beliau.

Seorang pegawai kanan Ghana yang diminta oleh Rawlings untuk melengkapkan kenyataan Dr Mahathir mengenai isu itu berkata, Ghana tidak mempunyai pendirian yang bercanggah dengan Malaysia mengenai perjanjian perdagangan multilateral dan pelaburan.

Pada hakikatnya, beliau berkata, Ghana sedar yang barat cuba "menyeludup isu-isu yang tiada kaitan dengan perdagangan dalam agenda mesyuarat itu.

Dalam persidangan berita itu, Dr Mahathir dan Rawlings juga menjawab pelbagai soalan, khususnya daripada beberapa warga Ghana mengenai kehadiran

pelabur Malaysia yang terus meningkat dan sama ada ia satu bentuk penjajahan secara tidak langsung.

Sebagai rujukan seorang pemberita tempatan membangkitkan soal pembelian saham majoriti dalam limbungan utama Ghana di Tema dekat sini, oleh sebuah syarikat perniagaan Malaysia.

Sementara itu, Dr Mahathir menyaksikan majlis penyerahan rasmi limbungan itu kepada Kumpulan Business Focus dari Malaysia di samping pembukaan dua bank, satu usahasama televisyen dan produksi pawagam dan juga pameran julung kali mengenai barangan keluaran Malaysia di Barat Afrika.

Dr Mahathir memberi jaminan kepada media Ghana dan juga Rawlings yang idea peniaga Malaysia melabur di Ghana bukan untuk mengambil alih atau hanya mengaut keuntungan sahaja.

Beliau berkata: "Jika pengetahuan kita dalam perniagaan berguna kepada warga Ghana maka kita akan melabur dan memindahkan pengetahuan yang sangat diperlukan oleh sesebuah negara untuk maju."

Beliau berkata, rakyat Malaysia juga tidak kurang semangat cintakan negara berbanding rakyat negara lain tetapi nasionalisme mesti menguntungkan negara, bukan hanya berbangga dengan memiliki negara sahaja.

Rawlings pula berkata, beliau yakin sepenuhnya yang apabila rakyat Malaysia melabur di situ, perkara yang pling utama dalam minda mereka ialah Ghana dalam apa juga keadaan.

Selepas mesyuarat dua hala Malaysia-Ghana pada hari terakhir lawatannya, Dr Mahathir dan Rawlings menyaksikan majlis menandatangani perjanjian antara kerajaan dan kerajaan mengenai jaminan pelaburan dan juga MoU sektor swasta.

Antara MoU itu ialah, pajakan lombong emas dan pembelian saham 40-peratus dalam Commercial Bank di Ghana oleh pelabur-pelabur Malaysia. --

BERNAMA

RN PR